



Tuanku Syed Faizuddin bersama Tuanku Lailatul Shahreen dan Pengarah Perhubungan Korporat Samsung Malaysia Electronics, Roh Jae Yeol (empat dari kiri) melihat murid Smart Reader mencuba menggunakan tablet Samsung selepas menyempurnakan perasmian Perpustakaan Bestari Samsung di Kangar, semalam.

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

Perlis lokasi kedua Samsung Smart Library

» Perpustakaan bestari perluas akses maklumat, pupuk tabiat membaca

Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bh.com.my

▀ Kangar

Perpustakaan Awam Negeri Perlis dipilih sebagai lokasi kedua Perpustakaan Bestari Samsung atau 'Samsung Smart Library' di negara ini selepas Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Kuala Lumpur.

Perpustakaan bestari diwu-

judkan hasil kerjasama pintar PNM dan Samsung Malaysia Electronics Sdn Bhd (SME) itu adalah inisiatif untuk meluaskan akses orang ramai kepada maklumat serta memupuk tabiat membaca dalam kalangan rakyat.

Perasmian Perpustakaan Bestari Samsung di Perlis disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shah-

reen Akashah Khalil.

Raja Muda Perlis ketika bertitah, memuji kerjasama pintar PNM dan SME dalam menyediakan inisiatif baharu capaian maklumat untuk warga Perlis terutamanya generasi muda, sekali gus memberi manfaat kepada lebih 105,000 pelawat yang mengunjungi Perpustakaan Awam Negeri Perlis setiap tahun.

Lengkapi keperluan rakyat
"Kewujudannya bukan sahaja melengkapi keperluan rakyat dalam menikmati pembaharuan pusat maklumat yang canggih dan interaktif, malah menggalakkan pembelajaran

sepanjang hayat yang lebih baik dan memastikan maklumat dapat diakses secara mudah oleh semua golongan.

"Saya amat berharap usaha mempromosikan perkhidmatan ini dapat dilaksanakan secara berterusan. Adalah satu pembaziran jika perkhidmatan yang tersedia tidak digunakan maksimum mungkin," titah baginda.

Perpustakaan Bestari Samsung berkeluasan kira-kira 70 meter persegi ini menyediakan lebih 35 peranti Samsung yang terdiri daripada tablet dan paparan berformat besar dengan keupayaan skrin sentuh.

Pengguna perpustakaan bestari ini akan mempunyai akses kepada 4,300 tajuk e-Buku pelbagai genre dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina, manakala e-Majalah, e-Akhar dan laman web interaktif boleh dilayari di Zon Interaktif.

Tawar teknologi terkini

Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad, berkata perpustakaan baharu ini menawarkan peranti dan pelbagai teknologi terkini Samsung yang memberikan pengguna pengalaman baharu membaca secara digital.

Penampilan perpustakaan pintar ini katanya, diharap memberi inspirasi kepada orang ramai terutama golongan muda Malaysia untuk meneruskan tabiat membaca dan pada masa sama meningkatkan kemahiran teknologi maklumat mereka.

"Perpustakaan hari ini berhadapan pelbagai cabaran yang menuntut perubahan paradigma bagi memastikan kewujudannya terus relevan.

"Revolusi digital juga menyaksikan perubahan besar terhadap perpustakaan dan persekitaran maklumat global yang tidak terbayang oleh kita sebelum ini," katanya.